



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 Februari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KUALA LUMPUR (Feb 11): The Competition Appeal Tribunal (CAT) has dismissed all appeals by four feedmillers challenging the Malaysia Competition Commission's (MyCC) December 2023 decision to impose the largest fine in Malaysian history for price-fixing in the chicken feed industry.

The companies involved — Leong Hup Feedmill Malaysia, Dindings Poultry Development Centre, FFM Bhd, and Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd — had sought to overturn MyCC's ruling. Collectively five feedmillers, who commanded a 40% share of the market during the time of MyCC's probe, were fined a total of RM415.5 million. The four feedmillers challenging the decision by MyCC were fined RM367 million.

The four had previously secured a High Court stay on the fine while their appeal was being considered.

Leong Hup Feedmill is owned by Bursa Malaysia-listed Leong Hup International Bhd (KL:LHI), Dindings Poultry by Malayan Flour Mills Bhd (KL:M-FLOUR), while FFM is 80%-owned by PPB Group Bhd (KL:PPB).

All financial penalties and directions imposed by MyCC were upheld, including an aggravated penalty for one company that interfered with the investigation.

In a statement on Wednesday, MyCC said the tribunal agreed with it in that

Competition Appeal Tribunal dismisses feedmillers' appeals, upholds RM367 mil fine over chicken feed cartel

theedgemalaysia.com

the companies had coordinated price increases on chicken feed, a key input in poultry farming, during three periods between January 31, 2020, and June 30, 2022. Such coordination directly affects the cost of producing chicken and the prices consumers pay.

The tribunal confirmed that MyCC had correctly applied the Competition Act 2010, under which agreements between competitors to fix prices are automatically considered harmful to competition.

It found that the penalties imposed on the feedmillers were within the legal limit

and were appropriate, given the seriousness of the infringements.

MyCC said the tribunal also rejected the companies' arguments that it had acted unfairly, without basis or in breach of due process, and, instead, confirmed that MyCC had conducted its investigation within its legal powers under the Competition Act 2010 and had complied with proper procedures throughout.

"This unanimous decision is a strong affirmation of MyCC's role in protecting healthy competition in Malaysia. Markets function best when businesses compete honestly and independently. When competitors coordinate on prices, it harms the competitive process and can negatively impact consumers and the wider economy."

"MyCC will continue to monitor the conduct of the companies involved as well as other players in the market in ensuring full compliance with the Competition Act 2010. MyCC remains committed to defending its decision in this case and to taking firm action against anti-competitive conduct to protect businesses and consumers in Malaysia," MyCC chief executive officer Datuk Iskandar Ismail said.



Click to **ASK EDGE**
12 Things You Must Know About A Stock

(吉隆坡11日讯) 马来西亚竞争委员会 (MyCC) 对竞争上诉仲裁庭 (CAT) 一致驳回, 4家鸡饲料公司针对MyCC在2023年12月有关鸡饲料价格操纵的裁决所提出的上诉, 表示欢迎。

MyCC今日发文告指出, 提出上诉的公司包括龙合饲料马来西亚有限公司、天定家禽加工有限公司、联邦集团 (FFM Berhad) 以及金钱饲料 (马) 有限公司, 这些公司被指控违反2010年竞争法令 (第

4雞飼料商上訴被駁 MyCC：協調價格漲幅違規

712号法令) 第4条文。

PK Agro Industrial Product (马) 有限公司则接受MyCC的裁决, 并未提出上诉。

“竞争上诉仲裁庭认同MyCC的裁决, 即这些公司相互协调, 共同决定鸡饲料价格的涨幅。

“鸡饲料是家禽养殖的关键投入, 任何在涨价方面的协调行为都

可能影响鸡只的生产成本, 并最终转嫁到消费者身上。”

對市場競爭有害

MyCC说, 竞争上诉仲裁庭在审阅所有文件并听取双方陈词后认定, MyCC的裁定有充分且有利的证据支持, 这些证据显示, 在2020年1月

31日至2022年6月30日期间, 这些公司在3个不同阶段曾就调涨价格进行协调。

“竞争上诉仲裁庭确认, MyCC已正确援引2010年竞争法令的条文, 而竞争对手之间达成的价格操纵协议, 自动被视为对市场竞争的有害行为。”

文告透露, 竞争上诉仲裁庭维持所有罚款和指令, 裁定有关罚款符合法律规定的范围, 并且与违规行为的严重程度相称。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Program subsidi RON95 kaedah terbaik, praktikal

Penyasaran subsidi petrol RON95 di bawah Program BUDI MADANI 95 (BUDI95) yang dinikmati semua rakyat tanpa mengira tahap pendapatan, terbukti kaedah terbaik dan paling praktikal, selain meminimumkan beban birokrasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata berbanding pendekatan bersasar seperti mengikut rekod pendapatan, kaedah terbabit hanya akan mengundang terlalu banyak masalah, sedangkan petrol RON95 digunakan hampir semua rakyat.

"Realitinya, hanya dua peratus pengguna dalam kalangan berpendapatan tinggi di negara ini, dengan pendapatan mereka melebihi RM25,000 sebulan.

"Jika hanya rakyat berpendapatan rendah diberikan subsidi, ia tidak praktikal kerana terlalu ramai rakyat yang berpendapatan RM13,000 ke bawah," katanya menjawab soalan tambahan Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun) pada sesi soal jawab lisan, semalam.

Mengulas penetapan kaedah

BUDI95, Perdana Menteri berkata, ada cadangan awal daripada Jabatan Perangkaan supaya menetapkan pendapatan RM13,000 ke bawah bagi melayakkan mereka dikecualikan atau tak dinaikkan harga untuk petrol RON95.

Namun, katanya perkiraan RM13,000 itu dilihat terlalu rendah, jadi Jemaah Menteri ketika itu menolak cadangan dengan alasan jika dilaksanakan, berisiko mengundang masalah mengambil kira terlalu ramai penjawat awam, petani, peladang yang pendapatan di bawah paras RM13,000.

"Kalau kita naikkan pula, maknanya mereka berpendapatan RM25,000 sebulan kena bayar kos minyak sepenuhnya dan tanpa subsidi. Ini juga tak berbaloi (kerana) setelah segala mekanisme (diperkenalkan), kemudian nak selamatkan hanya dua peratus jumlah pengguna.

"Jadi, pertimbangan kerajaan sekarang ini untuk penyasaran subsidi minyak, baiklah kita jalankan (BUDI95)... kerana jika



nak jimatkan untuk dua peratus (rakyat berpendapatan tinggi), ini tambah kos lagi dengan kerena pentadbiran, hanya akan undang terlalu banyak masalah, sedangkan minyak ini digunakan hampir seluruh rakyat," katanya.

Mengenai soalan berkaitan harga barang yang didakwa masih melambung tinggi dengan

kos sara hidup rakyat turut meningkat, sedangkan kerajaan menyifatkan pelaksanaan BUDI95 mengurangkan defisit fiskal negara, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengakui kerajaan sedar dan memberikan perhatian penuh kepada isu inflasi dan kemiskinan tegar di kalangan rakyat di negara ini.

Katanya, melihat kepada un-

juran semasa, kadar inflasi negara merekodkan penurunan iaitu 1.4 peratus pada tahun lalu berbanding 1.8 peratus pada 2024.

Begitu juga bagi kadar kemiskinan tegar yang jumlahnya menurun dari 0.2 peratus pada 2022 kepada 0.09 peratus pada 2024.

"Dikaitkan kos barang dengan isu kos sara hidup dengan turunnya harga minyak, tentunya (kos sara hidup) menurun, tetapi harga barang ini juga dibantu melalui SARA.

"Jadi, bantuan seperti SARA dan STR misalnya yang cecah RM15 bilion ini harus dilihat bersama kos sara hidup.

"Bila kos meningkat, kita (salur) juga RM15 bilion untuk naikkan gaji penjawat awam. Jadi (keseluruhannya) tambahan RM30 bilion, ini juga kerana kita ambil kira memang harga barang masih merunsingkan.

"Kita tak mampu selesaikan semua seperti mana beberapa kos barangan import yang masih tinggi," katanya.

Kerajaan dijangka jimat RM2.5b



ANWAR

Hasil penyasaran subsidi RON95, penjimatan itu juga tertakluk pergerakan harga minyak mentah dunia dan kadar pertukaran mata wang

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 dijangka mampu menjimatkan sekurang-kurangnya RM2.5 bilion pada tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penjimatan itu juga tertakluk pergerakan harga minyak mentah dunia dan kadar pertukaran mata wang.

"Penjimatan ini hasil daripada ketirisan subsidi yang berjaya dikekang. Sindiket penyeludupan ke negara jiran juga dapat dibendung. Saya juga menghargai keprihatinan rakyat yang bertindak menegur dan menyalurkan maklumat tatkala ada cubaan membellei RON95 oleh warga asing.

"Sikap ini wajar dipuji kerana tidak sekadar mempertahankan hak sebagai rakyat Malaysia, malah cerminan semangat kenegaraan dan jati diri," katanya di Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang)** yang memintanya menyatakan jumlah penjimatan dicapai melalui pelaksanaan Budi Madani (BUDI95) sepanjang tahun 2025 dan unjuran penjimatan bagi tahun 2026 serta bagaimana penjimatan tersebut dimanfaatkan.

Sementara itu, mengulas mengenai manfaat diterima rakyat hasil penjimatan berkenaan, Anwar berkata, ia diberikan melalui pelbagai bantuan.

"Hasil penjimatan fiskal telah diagih semula kepada rakyat. Penjimatan ini dapat membiayai penambahan bantuan rakyat, khususnya Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

"Bermula 9 Februari lalu, semua 22 juta rakyat Malaysia 18 tahun ke atas menerima RM100 setiap individu melalui MyKad," ujarnya.



Pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 berjaya mengekang ketirisan subsidi dan sindiket penyeludupan ke negara jiran juga dapat dibendung. - Gambar hiasan

Beliau berkata, SARA Untuk Semua juga dapat menjana limpahan ekonomi kepada peruncit tempatan sebagai Rakan Niaga SARA serta pembekal barangan asas termasuk perusahan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan.

Katanya, dalam tempoh dua hari pelaksanaan SARA Untuk Semua, hampir RM200 juta telah dibelanjakan oleh 2 juta rakyat.

"Kerajaan Madani kekal berpegang kepada prinsip, pertumbuhan mesti dipacu oleh reformasi, dan reformasi mesti berpaksikan kesejahteraan rakyat.

"Lebihan fiskal hasil reformasi tidak 'hilang' begitu saja, tetapi tetap dipulangkan semula kepada rakyat. Bermakna, walau kita menggerakkan pembaharuan, hak dan kebajikan rakyat tetap terbelas," kata beliau.

Permintaan udang tinggi, bekalan kurang

Oleh **SAFINA RAMLI**
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGE TOWN: Permintaan terhadap udang dilaporkan meningkat menjelang sambutan Tahun Baharu Cina, namun, bekalan makanan laut itu khususnya di kawasan perairan selatan Pulau Pinang di sini berkurang.

Menurut nelayan tempatan, Roslizan Ramli, 40, rata-rata pelanggan terutamanya yang berketurunan Cina mahukan udang yang bersaiz besar ketika musim perayaan ini.

"Kalau ikut harga pasaran, udang bersaiz besar atau gred premium ini harganya boleh mencecah antara RM120 hingga RM130 sekilogram di pasaran. Namun para nelayan kebiasaannya menjual kepada peraih sekitar RM70 hingga RM80 sekilogram bergantung kepada saiz dan campuran hasil tangkapan."

"Permintaan terhadap udang memang tinggi, tetapi, hasilnya pula tidak menentu. Ada masa dapat sedikit sahaja, ada masa boleh cecah puluhan kilogram (kg) jika 'kena' kawasan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurut Roslizan, kawasan selatan Pulau Pinang menjadi antara lokasi tumpuan mendapatkan udang kerana kedudukannya terletak berhampiran dengan beberapa kawasan sum-

ber seperti Sungai Udang, Bukit Tambun dan Juru.

Roslizan berkata, hasil tangkapan udang turut bergantung kepada faktor keadaan laut dan lokasi, menyebabkan bekalan tidak statik dari hari ke hari.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Arshad Omar yang menangkap ikan di perairan Pulau Betong berkata, situasi kekurangan udang ketika ini turut memberi kesan kepada harga di peringkat nelayan dan pasaran.

Menurutnya, udang yang ditolak kepada peraih dijual sekitar RM70 sekilogram, manakala harga jualan di pasar pula boleh mencecah hingga RM80 sekilogram bergantung kepada saiz dan kualiti.

"Udang memang kurang sekarang, tapi permintaan tinggi. Jadi, harga akan naik. Walaupun nelayan jual kepada peraih sekitar RM70, di pasar harga boleh jadi lebih mahal," katanya.

Kata Arshad, keadaan hasil tangkapan udang juga tidak menentu kerana bergantung kepada cuaca dan pergerakan arus laut menyebabkan nelayan tidak dapat menjangkakan jumlah hasil setiap hari.

Selain udang, Arshad berkata, harga ikan bawal tambak turut menunjukkan peningkatan ketara apabila kini mencecah sehingga RM105 sekilogram di pasaran.



கோலாலம்பூர், பிப். 12-
இலக்கிடப்பட்ட ரோன்95
பெட்ரோல் மானியத் திட்டத்தின் கீழ்
வழங்கப்பட்டுள்ள மாதத்திற்கு 300
லிட்டர் என்ற உச்சவரம்பு அளவு
போதுமானதல்ல என்ற விமர்சனங்களை
பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம்
நேற்று நிராகரித்தார்.

ரோன்95 மானிய பெட்ரோல் உச்சவரம்பு போதுமானது

பூடி மடானி95 திட்டத்தின் கீழ் சேகரிக்கப்பட்ட உண்மைத்
தரவுகளின்படி மலேசியர்களின் சராசரி மாத பெட்ரோல் பயன்பாடு
வெறும் 100 லிட்டராக மட்டுமே உள்ளது. நாட்டின் 90 விழுக்காடு
மக்கள் 200 லிட்டருக்கும் குறைவாகவே பயன்படுத்துவதாகவும்
தெரிய வந்துள்ளது.

மிகக்குறைந்த எண்ணிக்கையிலான பயனீட்டாளர்கள் மட்டுமே
மாதம் 300 லிட்டர் என்ற வரம்பை எட்டக்கூடும் என்பதால்
தற்போதைய மானிய முறை மலேசியர்களின் அன்றாடத்
தேவைகளைப் பூர்த்தி செய்ய போதுமானது என்று அவர்
விளக்கமளித்தார். இத்திட்டத்தின் வழி தகுதியுடையவர்கள்
மட்டுமே பயன்பெறுவது உறுதி செய்யப்படுவதோடு நாட்டின் நிதி
ஆதாரங்கள் கசிவின்றி முறையாகக் கையாளப்படுவதையும் உறுதி
செய்வதை அரசாங்கம் நோக்கமாகக் கொண்டுள்ளது என்றார் அவர்.

இதனிடையே மலேசியாவில் ரோன்95 எரிபொருள் விலையை
சந்தை விலைக்கேற்ப முழுமையாக உயர்த்திவிட்டு மக்களுக்கு
ரொக்க உதவி வழங்கும் முறையை அரசாங்கம்
ஏற்கப்போவதில்லை என்று அன்வார் திட்டவட்டமாகக் கூறினார்.
உலக வங்கி, சில பொருளாதார நிபுணர்கள் பரிந்துரைத்த



இத்தகைய மாற்றங்கள் சாதாரண மக்களுக்குப்
பெரும் சுமையாகவும் விலைவாசி உயர்வுக்குக்

காரணமாக அமையும் என்பதாலும்
மடானி அரசாங்கம் மிகவும்
நிதானமான அணுகுமுறையையே
பின்பற்றுவதாக அவர்
குறிப்பிட்டார்.

மாதம் 15 ஆயிரம் ரிங்கிட்
வருமான வரம்பை நிர்ணயிப்பது
அரசு ஊழியர்கள், விவசாயிகளைப்
பாதிக்கும் என்பதோடு மிக உயர்ந்த
வருமானம் கொண்ட இரண்டு
விழுக்காட்டினருக்காக மட்டுமே
சிக்கலான நிர்வாக முறைகளை
அமல்படுத்துவது பயனளிக்காது
என்றும் அவர் சொன்னார்.

மானியச் சீரமைப்பின் மூலம்
மிக்சப்படுத்தப்படும் நிதியானது
மக்களின் நலத் திட்டங்களுக்கே
மீண்டும் பயன்படுத்தப்படும் என்று
உறுதி அளித்த பிரதமர் நிதி
ஒழுக்கத்தைப் பேணுவதோடு
மக்களின் வாழ்க்கைச்
செலவினங்களைக்
கட்டுப்படுத்துவதே அரசாங்கத்தின்
முதன்மை நோக்கம் என்று
நாடாளுமன்ற மக்களவைவில்
அவர் தெரிவித்தார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 FEBRUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Feb	46 SIRI JUALAN RAHMAH MADANI SEMPENA TAHUN BAHARU CINA DI MELAKA	https://www.melakahariini.my/46-siri-jualan-rahmah-madani-sempena-tahun-baharu-cina-di-melaka/	MELAKA HARI INI
12-Feb	Penguatkuasaan minyak masak subsidi perlu tegas	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2026/02/penguatkuasaan-tegas-kekang-ketirisan-minyak-paket-bersubsidi/	UTUSAN
12-Feb	16 essential food items under nine-day price control	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/02/11/16-essential-food-items-under-nine-day-price-control	THE STAR
12-Feb	KPDN perkukuh penguatkuasaan OTA, harga bilik lebih murah jadi fokus	https://malaysiagazette.com/2026/02/10/kpdn-perkukuh-penguatkuasaan-ota-harga-bilik-lebih-murah-jadi-fokus	MALAYSIA GAZETTE
12-Feb	KPDN seeks stronger enforcement to curb anti-competitive practices among OTAs	https://themalaysianreserve.com/2026/02/10/kpdn-seeks-stronger-enforcement-to-curb-anti-competitive-practices-among-otas	THE MALAYSIA RESERVE
12-Feb	Keputusan penalti RM415.5 juta oleh MyCC terhadap kartel makanan ayam kekal	https://utusan.com/2026/02/11/keputusan-penalti-rm415-5-juta-oleh-mycc-terhadap-kartel-makanan-ayam-kekal/	UTUSAN TV
12-Feb	Keputusan TRP tolak rayuan syarikat penternak langgar Akta Persaingan 2010 tepat – MyCC	https://www.buletintv3.my/nasional/keputusan-trp-tolak-rayuan-syarikat-penternak-langgar-akta-persaingan-2010-tepat-mycc/	TV3
12-Feb	Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan tolak rayuan syarikat penternak langgar Akta Persaingan 2010 adalah tepat - MyCC	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/02/1508368/keputusan-tribunal-rayuan-persaingan-tolak-rayuan-syarikat	BERITA HARIAN

12-Feb	CAT unanimously affirms MyCC's RM415.5mil decision against chicken feed cartel	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/02/1376236/cat-unanimously-affirms-myccs-rm4155mil-decision-against-chicken-feed	NST
12-Feb	Tribunal dismisses poultry feed firms' appeals, upholds MyCC penalties	https://www.klsescreeener.com/v2/news/view/1668045/tribunal-dismisses-poultry-feed-firms-appeals-upholds-mycc-penalties	KL SCREENER
12-Feb	Cadangan Super Apps, Pencapaian Program Rakan Muda Antara Tumpuan Dewan Rakyat	https://bernama.com/en/	BERNAMA
12-Feb	Chicken feedmill firms lose appeal as competition tribunal backs MyCC, upholds fines for price-fixing	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/02/11/chicken-feedmill-firms-lose-appeal-as-competition-tribunal-backs-mycc-upholds-fines-for-price-fixing/208902	MALAYMAIL
12-Feb	Tribunal dismisses poultry feed firms' appeals, upholds MyCC penalties	https://malaysiacorner.com/story/tribunal-dismisses-poultry-feed-firms-appeals-upholds-mycc-penalties/r114330729	MALAYSIA CORNER
12-Feb	Kartel ayam: Keputusan CAT beri mesej penyelarasan harga dalam rantaian boleh jejas pengguna	https://www.sinarharian.com.my/article/767767/berita/nasional/kartel-ayam-keputusan-cat-beri-mesej-penyelarasan-harga-dalam-rantaian-boleh-jejas-pengguna	SINAR HARIAN
12-Feb	Tribunal rejects firms' appeal over chicken feed cartel fine	https://malaysians-mustknowthetruth.blogspot.com/2026/02/tribunal-rejects-firms-appeal-over.html	MALAYSIAN MUST KNOW
12-Feb	MyCC market review flags competition concerns in e-commerce: Pos Malaysia	https://www.nst.com.my/business/corporate/2026/02/1376152/mycc-market-review-flags-competition-concerns-e-commerce-pos	NST

12-Feb	Pos Malaysia Sambut Baik Kajian MyCC, Tekankan Dominasi Platform e-Dagang	https://www.bernamabiz.com/news-bm.php?id=2522915/	BERNAMA
12-Feb	Pos Malaysia welcomes MyCC review, flags competition concerns	https://rentkl.com.my/pos-malaysia-welcomes-mycc-review-flags-competition-concerns/	RENT KL
12-Feb	SHMMP Tahun Baharu Cina 2026: 16 barang dikawal harga bermula 13 Februari	https://www.nabalunews.com/post/shmmp-tahun-baharu-cina-2026-16-barang-dikawal-harga-bermula-13-februari	NABALU NEWS
12-Feb	SHMMP Tahun Baharu Cina bermula Jumaat ini, 16 barangan disenaraikan	https://www.suarakeadilan.my/post/shmmp-tahun-baharu-cina-bermula-jumaat-ini-16-barangan-disenaraikan	SUARA KEADILAN
12-Feb	Government Announces Festive Pricing Scheme for Chinese New Year	https://malaysiantribune.com/government-announces-festive-pricing-scheme-for-chinese-new-year/	MALAYSIA TRIBUNE
12-Feb	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2026	https://ecentral.my/skim-harga-maksimum-musim-perayaan/	E-CENTRAL